



# PELAN PEMULIHAN NEGARA - FASA 4

## SOP MAJLIS SOSIAL

Dikemaskini pada 22 Oktober 2021

### Merangkumi:

- Kenduri
- Majlis Perkahwinan/Pertunangan
- Majlis Aqiqah/Doa Selamat/ Tahlil
- Majlis Sambutan Ulangtahun/Hari Jadi
- Majlis *Reunion*
- Lain-lain Majlis Sosial

### Perkara dibenarkan:

- Tempat penganjuran majlis di dalam dewan atau tempat terbuka dengan kapasiti tetamu 50% ruang penganjuran majlis.

### Perkara Tidak Dibenarkan:

- Majlis tidak dibenarkan sekiranya sukar untuk mengawal keadaan di mana terdapat ramai orang pada satu-satu masa *dan* sukar untuk mengawal keperilakuan.
- Hidangan makanan secara **buffet layan diri dan aktiviti tiup lilin**.
- Penganjuran di kawasan PKPD tidak dibenarkan.
- *Patient under Investigation (PUI) & Person under Surveillance (PUS)* tidak dibenarkan hadir.

### Arahan Tetap:

- Peraturan 16 P.U (A) 293/2021
- Akta 342
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah Kesihatan

**Waktu Beroperasi**

Tertakluk kepada penganjuran (Tempoh 3-5 jam)

**Waktu Kehadiran Tetamu**

Tertakluk kepada penganjuran

**Kapasiti Tetamu**

50% ruang penganjuran majlis

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan                      | Penerangan Ringkas  |
|-------------------------------|---|
| <b>Deklarasi Vaksin</b>       | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hanya Individu yang telah mendapat vaksin lengkap dan mempunyai kad/ sijil digital vaksinasi (<i>digital certificate</i>) di aplikasi MySejahtera dibenarkan untuk masuk ke ruang majlis termasuk penganjur/ petugas/ pekerja/ pramusaji dan tetamu majlis.</li> <li>2. Penganjur majlis perlu memaparkan notis penerimaan individu yang telah lengkap vaksin sahaja di pintu masuk majlis.</li> <li>3. Penganjur majlis perlu menyediakan petugas untuk memeriksa kad/ sijil digital vaksinasi di pintu masuk majlis.</li> <li>4. Individu yang telah menerima vaksin lengkap dibenarkan membawa anak-anak berusia 18 tahun ke bawah. Walau bagaimanapun kehadiran tetamu dari kalangan bayi dan kanak-kanak tidak digalakkan.</li> </ol>  |
| <b>Proses Ketibaan Tetamu</b> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menetapkan dan menandakan secara jelas laluan keluar dan masuk tetamu serta kawasan majlis terutamanya bagi penganjuran majlis di tempat terbuka seperti dalam suasana kampung atau rumah persendirian.</li> <li>2. Penganjur perlu menyediakan petugas dan kaunter saringan kesihatan di pintu masuk majlis bertujuan mengawal bilangan kehadiran tetamu, memeriksa status vaksinasi, membuat pemeriksaan suhu badan, saringan gejala (batuk, sakit tekak, selsema dan sesak nafas). Tetamu dengan suhu badan melebihi 37.5 Celsius dan/atau bergejala tidak dibenarkan masuk.</li> <li>3. Penganjur/ petugas/ pekerja/ pramusaji juga perlu menjalani saringan kesihatan dan tidak bergejala.</li> <li>4. Petugas di kaunter saringan kesihatan juga perlu memastikan para tetamu membersihkan tangan (<i>hand sanitizer</i>).</li> <li>5. Semasa para tetamu menunggu giliran di kaunter saringan, penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter mesti dipatuhi.</li> <li>6. Penganjur dan tetamu diwajibkan memakai pelitup muka (<i>face mask</i>).</li> <li>7. Kehadiran tetamu hendaklah tertakluk kepada 50% saiz keluasan ruang dan penjarakan fizikal.</li> </ol> |
| <b>Pendaftaran tetamu</b>     | Semua penganjur majlis mesti mendaftarkan tetamu menggunakan aplikasi MySejahtera atau merekod secara manual nama, nombor telefon dan masa kehadiran (sekiranya tiada liputan internet) untuk simpanan dan rekod sekiranya berlaku kes jangkitan.   |



# PELAN PEMULIHAN NEGARA - FASA 4

## SOP MAJLIS SOSIAL

Dikemaskini pada 22 Oktober 2021

### Merangkumi:

- Kenduri
- Majlis Perkahwinan/Pertunangan
- Majlis Aqiqah/Doa Selamat/ Tahlil
- Majlis Sambutan Ulangtahun/Hari Jadi
- Majlis *Reunion*
- Lain-lain Majlis Sosial

### Perkara dibenarkan:

- Tempat penganjuran majlis di dalam dewan atau tempat terbuka dengan kapasiti tetamu 50% ruang penganjuran majlis.

### Perkara Tidak Dibenarkan:

- Majlis tidak dibenarkan sekiranya sukar untuk mengawal keadaan di mana terdapat ramai orang pada satu-satu masa *dan* sukar untuk mengawal keperilakuan.
- Hidangan makanan secara **buffet layan diri dan aktiviti tiup lilin**.
- Penganjuran di kawasan PKPD tidak dibenarkan.
- *Patient under Investigation (PUI) & Person under Surveillance (PUS)* tidak dibenarkan hadir.

### Arahan Tetap:

- Peraturan 16 P.U (A) 293/2021
- Akta 342
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah Kesihatan

### Waktu Beroperasi

Tertakluk kepada penganjuran (Tempoh 3-5 jam)

### Waktu Kehadiran Tetamu

Tertakluk kepada penganjuran

### Kapasiti Tetamu

50% ruang penganjuran majlis

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan           | Penerangan Ringkas   |
|--------------------|--|
| Ruang Majlis       | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penganjur melakukan pembersihan dan disinfeksi mengikut garis panduan KKM sebelum dan selepas majlis di seluruh kawasan luar dan dalam dewan, kerusi dan meja tetamu, meja hadiah (<i>doorgift table</i>), alatan <i>catering</i>, pelamin pengantin, tandas dan mana-mana kawasan, permukaan atau alatan/ barangan yang kerap disentuh.</li> <li>2. Memastikan tempat penganjuran majlis mempunyai ventilasi dan sistem pengudaraan yang baik berdasarkan garis panduan pengudaraan dan kualiti udara dalaman yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).</li> <li>3. Susunan antara meja makan dengan jarak 2 meter. Penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter bagi kerusi di meja.</li> <li>4. Sebarang penyediaan makanan adalah sama ada secara <i>pack-food</i>, hidang (<i>served</i>), <i>dome setting</i> atau <i>buffet</i> yang diselidikan oleh pramusaji untuk mencedok makanan ke pinggan tetamu / pelanggan. Tetamu / pelanggan juga digalakkan untuk menggunakan sarung tangan pakai buang (<i>disposable gloves</i>) bagi mencedok makanan ke pinggan.</li> <li>5. Pramusaji/ petugas mesti memakai pelitup muka semasa menghidangkan makanan.</li> <li>6. Tetamu mengambil kedudukan seperti yang telah ditanda atau ditetapkan oleh penganjur.</li> <li>7. Mengelakkan sembang dekat (<i>close conversation</i>).</li> <li>8. Aktiviti bersalaman atau berpelukan tidak dibenarkan</li> <li>9. Beratur mengambil makanan secara tertib dalam kedudukan penjarakan 1 meter dan mengurangkan komunikasi semasa mengambil makanan yang disediakan.</li> <li>10. Makan dalam kedudukan penjarakan dan tidak berkumpul semasa makan.</li> <li>11. Tidak bersesak di dalam lif, tandas atau mana-mana ruang di tempat majlis dianjurkan.</li> <li>12. Dilarang berkumpul atau berhimpun di luar ruang majlis sebelum atau selepas selesai majlis.</li> <li>13. Meninggalkan tempat majlis dengan teratur dan tidak bersesak-sesak.</li> </ol> |
| Aktiviti Berkaitan | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sesi fotografi dengan penjarakan fizikal pada satu-satu masa dan dikendalikan oleh individu yang ditetapkan oleh penganjur/ pengantin/ pengurusan majlis.</li> <li>2. Penyediaan seorang petugas bagi mengawal aliran tetamu semasa sesi fotografi.</li> </ol>   |